

21 MAY 1996

Mahathir-Nilai

TIMUR DAN BARAT BOLEH WUJUDKAN SATU PERADABAN SEJAGAT, KATA DR MAHATHIR

Oleh: Salmy Hashim

WASHINGTON, 21 Mei (Bernama) -- Nila-nilai Timur dan Barat, walaupun berbeza, boleh mencapai persefahaman dan kerjasama ke arah pengwujudan "satu peradaban sejagat" yang menerima perkara yang baik dan menolak yang jahat, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Semasa menyampaikan ucapannya mengenai "Perdebatan Nilai-nilai Asia" pada Mesyuarat Agung Antarabangsa ke-29 Majlis Ekonomi Lembangan Pasifik (PBEC) di sini, Dr Mahathir mempelawa Timur dan Barat untuk menikmati "satu kumpulan peradaban dengan mengambil yang terbaik daripada semua yang dapat ditawarkan."

Perdana Menteri berkata perdebatan itu mungkin ditimbulkan oleh kebimbangan bahawa kejayaan Asia akan mewujudkan penonjolan diri Asia tetapi Barat "tidak berhak untuk memaksa semua orang menelan bulat-bulat keutamaan mereka."

Orang Eropah, umpamanya, sangat suka mengenakan sekatan terhadap negara Asia yang gagal memenuhi standard atau norma-norma mereka.

Bagaimanapun, beliau berkata "tidak satupun Parlimen Asia, yang saya ketahui, meluluskan sebarang resolusi yang menggesa kerajaannya mengambil tindakan jika sesebuah negara Eropah tidak melakukan reformasi...jika ada Parlimen Asia yang bertindak sedemikian, Barat akan menganggapnya sebagai gila."

Beliau menegaskan bahawa Asia tidak akan lagi menuruti kehendak sedemikian. "Kerana sebahagian besar Asia kini tidak lagi lemah... dari segi mental atau kebendaan."

Untuk menunjukkan perbezaan nilai-nilai antara Asia dan Amerika, Dr Mahathir memberi contoh satu kajian oleh David Hitchcock, bekas pengarah Hal Ehwal Asia Timur dan Pasifik Agensi Penerangan Amerika, yang mendapati sedang orang Asia memberi keutamaan kepada masyarakat wargatua, rakyat Amerika pula meletakkan kebebasan bersuara dan kebebasan peribadi di tempat teratas senarai keutamaan mereka.

Perdana Menteri bagaimanapun mengakui bahawa "nilai-nilai Asia" masih belum sempurna kerana di kebanyakan tempat di Asia berlaku materialisme yang berlebihan, spiritualisme melampau dan etika fatalisme.

Masyarakat yang tidak penyayang yang tidak mempedulikan alam sekitar, hidupan liar, orang cacat dan tidak berkemampuan juga terdapat di Asia, katanya.

Barat, sebaliknya mempunyai masalahnya sendiri seperti penagihan dadah, anak luar nikah dan rakyat yang bergantung kepada peruntukan kebajikan.

Sambil menggesa supaya "memperkayakan kebudayaan bersama", Dr Mahathir bersetuju bahawa Asia telah banyak mempelajari daripada Barat dan harus terus mempelajari daripada Afrika dan Amerika Latin untuk mendapatkan "yang terbaik daripada apa yang boleh ditawarkan oleh sejarah dan kebudayaan kita."

Dalam pada itu, Perdana Menteri juga menggesa negara-negara Asia supaya memperjuangkan demokrasi, sistem pasaran dan menghormati hak kemanusiaan untuk semua. -- BERNAMA

SH NAK NMO